

Headline	SPNB bina rumah Felda guna AGIBS		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	15 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	11	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	193 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,292
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,876



## SPNB bina rumah Felda guna AGIBS

KUALA LUMPUR - Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB) akan menggunakan Penyelesaian Bangunan Bersepadu Hijau Ajiya (AGIBS) bagi membina 20,000 unit kediaman di bawah Projek Perumahan Generasi Baharu Felda, hujung tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan SPNB, Datuk Ahmad Azizi Ali berkata, projek itu yang mempunyai nilai pembangunan kasar RM2.8 bilion akan dimajukan dalam tiga fasa dan dimulakan di Terengganu.

“Penggunaan Sistem Binaan Berindustri (IBS) dalam projek kami akan meningkatkan penghasilan produk kepada pengguna, memperbaiki persekitaran yang mampan serta kualiti pembangunan produk,” katanya kepada pemberita selepas menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara SPNB dan Ajiya Bhd, semalam.

AGIBS yang telah dibangunkan Ajiya, adalah IBS berpaten yang memberikan industri pembinaan dengan penyelesaian bangu-



Ahmad Azizi (dua, kiri) bertukar dokumen untuk membangunkan rumah mampu milik dengan Wah Kiang pada majlis menandatangani MoU itu, semalam.

nan bersepadu dan mampan bagi mengatasi kekangan tenaga kerja, memendekkan masa pembinaan serta mengurangkan sistem operasi.

Sementara itu, Pengarah Urusan Ajiya, Datuk Chan Wah Kiang berkata, AGIBS membolehkan rumah dibina tiga kali lebih cepat berbanding kaedah konvensional.

“Secara tradisi, ia akan mengambil masa 24 bulan dalam tempoh pembinaan untuk siap, tetapi dengan

AGIBS, ia boleh dilakukan dalam masa lapan bulan,” katanya.

Menurutnya, sistem AGIBS terdiri daripada lapan siri komponen perumahan merangkumi kerangka dinding logam ringan dengan sistem dinding basah, bingkai logam pada tingkap dan pintu, lantai dengan dek komposit, siling logam, pelindung matahari, bumbung logam, sistem kerangka ringan dan cermin keselamatan dengan bingkai aluminium. - *Bernama*